

Teks Ucapan
BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Pada majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah
Sempena (MIROc) 2014

13 April 2014, Dewan Peperiksaan Kampus Pauh Putra

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Ilmu,
Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

Yang berusaha pengacara majlis,

Yang Berbahagia,

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor UniMAP

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, Pengurus-pengurus pasukan,

Rakan-rakan Media yang dihormati, seterusnya peserta MIROc 2014 yang
saya kasihi sekalian.

Selamat Tengahari, Good Afternoon, Saba Hul 'Hair, Maalai Vannakam, Wu
An.

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama memanjat kesyukuran ke
hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya,

- dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah sempena Malaysian International Robot Competition 2014 ini.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kelangsungan majlis pada hari ini termasuk JK Teknikal dan JK Penganjuran.
 3. Selaku peneraju kegemilangan institusi pendidikan, sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang setiap tahun terus menyokong program-program berimpak tinggi anjuran universiti yang memberi fokus kepada perkembangan inovasi serta Sains dan Teknologi.

Hadirin sekalian,

4. UniMAP berasa amat bertuah kerana pada tahun ini, bilangan penyertaan meningkat sekitar 40 peratus hasil inisiatif UniMAP yang membahagikan justifikasi penganjuran berdasarkan tiga kategori iaitu Universiti, Insituti Teknikal dan Kemahiran serta Sekolah.
5. Inisiatif ini nyata berjaya melonjakkan bilangan penyertaan dari institusi yang berkaitan di mana UniMAP menerima penyertaan dari 18 universiti yang mengambil bahagian membabitkan 49 pasukan yang akan bertanding dalam MiROC iaitu 19 bagi *Fire Fighting Robot*, 14 (*Rope Climbing Robot*) dan 16 bagi *Conquere Robot*.
6. Bagi Institusi Teknikal dan Kemahiran pula, sebanyak 26 institusi mengambil bahagian dengan pembabitkan 50 pasukan iaitu 17 bagi

Fire Fighting Robot, 20 (Rope Climbing Robot) dan 13 Paintbal Robot manakala penyertaan dari Sekolah pula adalah sebanyak 27 sekolah dengan 41 penyertaan keseluruhannya yang akan bertanding dalam kategori *Rescue Robot*.

7. Untuk makluman anda semua juga, MiROC pada tahun ini turut menerima penyertaan daripada institusi pendidikan dari Cambodia dan Egypt apabila penyertaan tahun ini dibuka kepada institusi luar negara dalam usaha meluaskan lagi jaringan dan membudayakan inovasi kepada seluruh masyarakat Malaysia dan dunia.
8. Insya Allah, saya telah meletakkan MIROC ini sebagai agenda tetap tahunan bagi UniMAP dan kita akan sentiasa menginovasikan robot dengan mengubahsuai format pertandingan dalam mana-mana kategori sekiranya ia mencapai perfect game.
9. Bagi UniMAP, MIROC ialah salah satu “feeder” kepada pelajar sekolah untuk meminati subjek Sains yang mana pada masa ini bukanlah pilihan utama golongan ini.

Hadirin dan hjadirat sekalian,

10. Teknologi Robotik merupakan satu bidang teknologi moden yang merentasi beberapa bidang kejuruteraan tradisional. Kefahaman tentang robot dan penggunaannya memerlukan pengetahuan dalam bidang kejuruteraan elektrik, elektronik, mekanikal, industri, sains komputer dan matematik serta kejuruteraan pembuatan.
11. Sebagai sebuah universiti yang major penawaran program pengajian dalam bidang Kejuruteraan, maka penganjuran MiRoC ini

sememangnya satu medan terbaik untuk pelajar UniMAP sendiri menghasilkan sesuatu rekaan yang terbaik.

12. Dengan persaingan yang sengit dari institusi lain yang mengambil bahagian, saya juga mengharapkan para pelajar UniMAP dapat meraih sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu-ilmu baru dengan rakan-rakan institusi lainnya.

13. Akhir kata, saya amat mengharapkan penganjuran MIROC ini memberikan kepuasan untuk semua yang bertanding. Pihak kami mengalu-alukan sebarang bentuk cadangan untuk penambahbaikan di masa akan datang.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.